

# Aura Tun M bantu kempen calon PH

BH - 15/11/2019 mlb: 16

**Pontian:** Kehadiran Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membantu kempen Pakatan Harapan (PH) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai malam ini, bakal memberi impak besar kepada calonnya, Karmaine Sardini.

Mengakui keadaan itu, Karmaine, 66, berkata kehadiran Pengerusi PH dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) itu pada ceramah mega di tapak Terminal Bas Kukup Laut malam ini, sememangnya menjadi antara strategi diatur pihaknya.

“Sebagai calon PH, saya memang mengharapkan kehadiran Dr Mahathir kerana ia memberi impak besar kepada pengundi di kawasan Parlimen Tanjung Piai.

“Seperti Dr Mahathir pernah sebut, ada segelintir rakyat tidak tahu (sedar) yang beliau kini Perdana Menteri Kerajaan PH, bukan lagi Barisan Nasional (BN).

“Kita mengharapkan aura beliau sebagai tokoh yang bukan hanya dikenali dalam negara, tetapi juga di luar negara. Beliau adalah negarawan dan pemimpin ulung,” katanya selepas meninjau proses pengundian awal di Bangunan Persatuan Keluarga



**Karmaine bersalaman dengan anggota polis** ketika meninjau proses pengundian awal di Bangunan PERKEP IPD Pontian, Pontian, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Polis (PERKEP), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pontian, di sini, semalam.

Dr Mahathir dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai pada jam 4 petang ini dan mengadakan perjumpaan bersama Ketua Pusat Daerah Mengundi (PDM), sebelum menyertai Ceramah Mega PH Bersama Perdana Menteri di Tapak Terminal Bas Kukup di sini.

Beliau kemudian dijadualkan bersarapan bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Parlimen Tanjung Piai di Warung 800 Pekan Nanas, pada jam 8 pagi esok sebelum bergerak ke Senai untuk menghadiri program lain.

PRK Parlimen Tanjung Piai menyaksikan pertandingan enam penjurua antara Karmaine, calon BN, Datuk Seri Dr Wee Jock Seng; Wendy Subramaniam (GE-

RAKAN), Datuk Dr Badhrulhisam Abdul Aziz (BERJASA) serta dua calon Bebas iaitu pengasas pusat tuisyen, Dr Ang Chuan Lock dan ahli perniagaan, Faridah Aryani Abd Ghaffar.

La diadakan susulan kematian penyandang Ahli Parlimen berkenaan, Datuk Dr Md Farid Md Rafik, 42, daripada PH pada 21 September lalu akibat komplikasi jantung.